



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERSEPSI AMALAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH:
TINJAUAN TERHADAP PERBEZAAN PENCAPAIAN PELAJAR
PINTAR DAN BERBAKAT**

*PERCEPTION OF HISTORICAL THINKING SKILLS PRACTICE: AN OVERVIEW
OF THE DIFFERENCES IN THE ACHIEVEMENT OF GIFTED AND TALENTED
STUDENTS*

Nurul Hafizah Maarof^{1*}, Nurul Suzaina Joli², Kamarul Zaman Hamzah³, Rorlinda Yusof⁴

- ¹ Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nurhafiedz83@ukm.edu.my
- ² Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nurulsuzaina@ukm.edu.my
- ³ Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: kamarulhamzah@ukm.edu.my
- ⁴ Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: rorlinda@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.07.2021
Revised date: 15.07.2021
Accepted date: 01.08.2021
Published date: 05.09.2021

To cite this document:

Maarof, N. H., Joli, N. S., Hamzah, K. Z., & Yusof, R. (2021). Persepsi Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah: Tinjauan Terhadap Perbezaan Pencapaian Pelajar Pintar Dan Berbakat. *International Journal of Modern Education*, 3(10), 01-18.

DOI: 10.35631/IJMOE.310001

Abstrak:

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam subjek Sejarah selalu dianggap membosankan oleh para pelajar malahan ianya sudah menjadi stigma dengan beranggapan bahawa mempelajari Sejarah memerlukan keupayaan daya ingatan yang tinggi untuk mengingati fakta-fakta yang perlu dihafal. Namun, persepsi ini perlu diperbetulkan kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun memperkenalkan kemahiran kreatif dan kritis dalam subjek-subjek yang diajar di seluruh Malaysia termasuklah subjek Sejarah. Dalam subjek Sejarah, kemahiran kreatif dan kritis diukur dengan menggunakan kemahiran pemikiran Sejarah (KPS) dalam pembelajaran subjek Sejarah. Ianya bertujuan agar pelajar tidak lagi hanya fokus kepada menghafal fakta semata-mata, malahan menjadikan KPS itu sendiri sebagai elemen yang dapat menjadikan PdP subjek Sejarah lebih menarik di samping dapat melahirkan pelajar pintar dan berbakat yang berjiwa patriotik. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan bagi menilai amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat di Kolej GENIUS@PINTAR Negara, UKM. Bagi mencapai matlamat itu, seramai 410 orang pelajar telah dipilih secara rawak bagi memenuhi keperluan kajian ini. Kesemua responden terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan Asas 1 hingga Tahap 2 yang berumur dalam lingkungan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



12 hingga 17 tahun. Instrumen skala likert telah digunakan bagi melihat butir-butiran yang dijadikan kayu ukur terhadap amalan KPS di kalangan para pelajar pintar dan berbakat antaranya identifikasi bukti Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah.

Kata Kunci:

Persepsi, Kemahiran Pemikiran Sejarah, Pelajar Berlainan Pencapaian, Pintar Cerdas Dan Berbakat

Abstract:

Teaching and Learning (PdP) in history subject has always been considered tedious by learners and mostly stigmatized by a mindset that learning history demands a high memory capacity for memorization of facts. However, this perception is completely untrue as the Ministry of Education Malaysia (MoE) has instilled creative and critical skills in subjects taught throughout Malaysia including history subjects. In History subjects, creative and critical skills are measured using Historical Thinking Skills (KPS) in its teaching and learning. It is aimed at not only focusing on facts memorising but also inculcating thinking skills of history itself as an element that can make the subject more exciting and able to promote patriotism to students. Therefore, this study was carried out to assess the extent of perception of KPS among gifted and talented students with different abilities at GENIUS@Pintar College, UKM. To achieve this goal, 410 students were randomly chosen to meet the study requirements in looking at perceptions of practices KPS among students with different abilities. All respondents are male and female students from Foundation 1 to Level 2, between 12 to 17 years old of age. Likert scale instruments have been used for data collection and as a measurement of the perception of practice KPS among students with different abilities including identification of historical evidence, interpretation of History, rationalization of History, the imagination of History, and identification of historical chronology.

Keywords:

Students' Perception, History Thinking Skills, Different Abilities, Gifted And Talented

Pendahuluan


Pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Sejarah dengan hanya sekadar bermatlamat bagi melengkapkan silibus semata-mata tidak mampu untuk melahirkan pelajar pintar dan berbakat yang boleh menjiwai semangat patriotisme. Malahan, budaya penyampaian fakta dari buku teks semata-mata juga boleh membunuh minat pelajar pintar dan berbakat untuk meneladani nilai-nilai murni yang terdapat dalam Sejarah yang lepas. Pelajar di Malaysia tidak kira berlatar belakang sosial dan etnik adalah diwajibkan untuk mempelajari subjek Sejarah. (Khairul Ghufuran Kaspin, Mansor Mohd Noor, & Mohd Mahzan Awang, 2018) Oleh yang demikian, persepsi yang tidak baik di kalangan pelajar pintar dan berbakat mengenai subjek Sejarah perlu ditangani oleh guru agar usaha untuk melahirkan pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai jati diri yang tinggi dan sayangkan negara akan terus terlaksana.

Berdasarkan kepada salah satu objektif Kurikulum Standard Sekolah Menengah (2016) adalah mengaplikasikan kemahiran pemikiran Sejarah (KPS) di kalangan murid dalam PdP Sejarah

dalam memahami peristiwa Sejarah. Bagi mencapai objektif tersebut, para guru perlu memainkan peranan mereka dengan sewajarnya agar pelajar pintar dan berbakat dapat mengaplikasikan KPS ini dalam subjek Sejarah. Maklumat Sejarah yang sedia ada amatlah kompleks dan sukar untuk difahami melainkan ianya disertakan dengan KPS yang mana dapat memberi makna serta dapat difahami oleh pelajar. (Tallin, R., 2015) Menurut Mohamed Ali Haniffa, Nurhijrah Zakaria & Ayu Nor Azilah Mohamad (2020), penerapan jiwa merdeka dan semangat patriotisme yang kental boleh dilakukan melalui KPS. Dalam KPS, terdapat beberapa elemen yang diterapkan antaranya identifikasi bukti Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah.

Pelajar pintar dan berbakat merupakan pelajar yang dikenal pasti mempunyai *Intelligence Quotient* (IQ) yang tinggi. Pemilihan pelajar ke Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM adalah berdasarkan kepada ujian UKM 1, UKM 2 yang dibuat secara atas talian bagi mengukur IQ pelajar dan UKM 3 iaitu ujian secara komprehensif yang dibuat di Pusat GENIUS@Pintar Negara. (Siti Fatimah Yassin et al, 2012) Menurut Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak & Melor Mohd Yunus (2009), istilah pintar dan berbakat umumnya merujuk kepada para pelajar yang berpotensi untuk cemerlang dalam bidang-bidang tertentu. Menurut daripada kalangan pendidik dan ahli psikologi yang berpendapat bahawa mereka yang mempunyai IQ yang tinggi adalah tergolong dalam kategori pintar dan berbakat. (Pfeiffer S.I., 2002) Namun, di kalangan mereka juga mempunyai kemampuan kognitif yang berbeza-beza untuk subjek-subjek tertentu. Oleh yang demikian, para guru perlu memainkan peranan mereka sebagai fasilitator kepada pelajar pintar dan berbakat ini dalam membimbing mereka untuk mengaplikasikan KPS ini dengan sebaiknya.

Kemahiran Pemikiran Sejarah



Rajah 1: Kemahiran Pemikiran Sejarah

Berdasarkan **rajah 1** di atas, terdapat 5 elemen utama yang ditekankan dalam KPS. Pertama; memahami kronologi iaitu memahami urutan waktu dan peristiwa Sejarah. Kedua; meneroka bukti yang mana melibatkan kemahiran mengenal pasti dan membuat perbandingan antara sumber primer dan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat Sejarah. Ketiga; membuat interpretasi iaitu membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti. Keempat; membuat imaginasi iaitu usaha melibatkan murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa Sejarah dan kelima membuat rasionalisasi yang mana melibatkan penggunaan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. (KSSM: Sejarah, 2016)

KPS ini dapat membuat pelajar pintar dan berbakat merasai apa yang dilakukan oleh Sejarawan iaitu meneliti sesuatu perkara dengan terperinci sebelum membuat penganalisaan terhadap bukti-bukti yang sedia ada. Dengan menerapkan KPS ini, pelajar pintar dan berbakat dapat menjiwai, menghargai, mengambil iktibar, dan akhirnya akan lahir nilai-nilai murni serta kemanusiaan dalam diri pelajar pintar dan berbakat. Menurut Nurhijrah binti Zakaria, & et al. (2018), pengintegrasian KPS dalam PdP sebenarnya merupakan salah satu bentuk pemikiran yang selari dengan taksonomi Bloom yang secara tidak langsung menjadi asas kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Sejarah. Menurut Mohamed Ali Haniffa, Nurhijrah Zakaria dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2020), KPS merupakan proses berfikir bagi membolehkan pelajar-pelajar meneroka idea yang kompleks dan abstrak.

Pintar Dan Berbakat



Rajah 2: *The Three-Ring Conception of Giftedness*

Rajah 2 di atas merupakan sebuah teori yang dikenali sebagai *The Three-Ring Conception of Giftedness* yang menggambarkan dimensi utama bagi potensi manusia yang produktif dan kreatif. Ianya terdiri dari 3 komponen utama yang saling berhubung-kait iaitu *above average ability*, *task commitment* and *creativity*. Komponen yang pertama adalah *above average ability* yang merangkumi penaakulan lisan dan nombor, penggubahan lagu, tarian balet, dan eksperimen. Komponen yang kedua adalah *task commitment* yang merujuk kepada perbuatan yang disulami dengan ketekunan, tekad, berkehendak dan aura positif dan komponen yang terakhir adalah *creativity* iaitu rasa ingin tahu, kepintaran, dan kesediaan untuk mencabar kebiasaan yang sedia ada. (Renzulli J.S., 2012). Pelajar pintar dan berbakat adalah mereka yang memiliki serta mampu mengembangkan ciri-ciri yang mereka ada sehingga terserlah potensi mereka dalam mana-mana bidang yang mereka ceburi. (Burak Turkman, 2020)

Namun, ada pelbagai pandangan yang diberikan oleh para penyelidik mengenai ciri-ciri yang terdapat pada pelajar pintar dan berbakat. Pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi khususnya kebolehan untuk mencapai prestasi yang terbaik di sekolah dikelaskan sebagai pelajar pintar dan berbakat termasuklah mempunyai daya kreativiti tertentu. (Martinez I.G. et al., 2021) Kebolehan kognitif pelajar pintar dan berbakat amat berbeza dengan rakan sebaya mereka antaranya kemampuan untuk mempelajari sesuatu perkara dengan lebih mendalam. (Mary Dorette B. U. & Okoye., 2013). Ianya sangat jelas kerana pelajar pintar dan

berbakat ini cenderung untuk mengetahui sesuatu perkara melebihi dari kapasiti umur mereka. Pelajar pintar dan berbakat berkemampuan untuk menghasilkan sesuatu yang istimewa yang mana berbeza dengan kemampuan rakan sebaya mereka dari segi kreativiti, motivasi, dan kekuatan mental. (Murat Tekin & Ozden Tasgin, 2009). Pelbagai kreativiti yang luar biasa yang mampu dihasilkan oleh mereka di mana ianya tidak setanding dengan umur mereka. Ramai masyarakat di luar mempunyai persepsi yang salah serta negatif terhadap pelajar pintar dan berbakat antaranya ulat buku, kurang bersosial, mempunyai pemikiran tersendiri, beremosi, sombong dan tidak ramah. (Subotnik R.F., Kubilius P.O. & Worrell F.C., 2011) Persepsi di kalangan masyarakat sebegini harus diperbetulkan agar pelajar pintar dan berbakat ini tidak disisihkan dari kehidupan normal masyarakat sekeliling malahan dapat memaksimumkan potensi yang ada pada mereka.

Pernyataan Masalah

Stigma pelajar pintar dan berbakat dengan mengaitkan Sejarah sebagai subjek yang membosankan dan sukar untuk dipelajari haruslah diubah agar subjek ini kekal relevan dan dapat melahirkan warganegara yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Mempelbagaikan teknik dalam PdP yang menarik dan kreatif perlu diraikan oleh para guru agar semua pelajar pintar dan berbakat dapat manfaatkannya antara dengan mempraktikkan amalan KPS di dalam kelas. Ianya berbeza sama sekali dengan konsep tradisional yang kebiasaannya menjadi ketakutan pelajar. Namun, perasaan khuatir juga timbul di kalangan para guru sama ada para pelajar pintar dan berbakat ini boleh menerima KPS ini dengan baik atau sebaliknya.

Tujuan Kajian

Oleh yang demikian, bagi mengukur persepsi amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat, kajian ini mengambil kira dari aspek pencapaian, umur dan gred pelajar pintar dan berbakat. Bagi tujuan ini beberapa objektif telah dikenalpasti.

Objektif Kajian

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS antaranya; kemahiran identifikasi bukti Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah dengan tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat.
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS antaranya; kemahiran identifikasi bukti Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah dengan umur pelajar pintar dan berbakat.
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS antaranya; kemahiran identifikasi bukti Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah identifikasi kronologi Sejarah dengan perbezaan gred iaitu tinggi (A dan B), sederhana (C dan D), dan rendah (E, F, dan G) bagi pelajar pintar dan berbakat.

Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS dengan tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS dengan umur pelajar pintar dan berbakat.

3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi amalan KPS dengan perbezaan gred iaitu tinggi (A dan B), sederhana (C dan D), dan rendah (E, F, dan G) bagi pelajar pintar dan berbakat.

Sorotan Kajian

Banyak kajian yang telah membincangkan berkaitan dengan amalan KPS namun amat sedikit yang mengkhususkan dalam amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Dalam kajian Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof dan Elisabeth Tak (2010), bagi membolehkan para pelajar berfikir seperti sejarawan, ianya haruslah bermula daripada guru yang mampu untuk berfikir seperti seorang sejarawan. Bagi memenuhi keperluan itu, para guru harus bersedia ke arah perubahan tersebut dengan melengkapkan diri dengan ilmu KPS.

Menurut dapatan Talin, R. (2015) guru harus bersedia untuk mempelajari KPS serta menukar cara PdP di dalam kelas berbanding hanya menyampaikan fakta dari buku teks semata-mata kepada para pelajar. Dengan transformasi ini, ianya mampu untuk membawa perubahan yang besar khususnya dalam minda pelajar bahawa sejarah bukan hafalan semata-mata.

Menurut kajian Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad (2015), para guru haruslah menyusun strategi ketika mendedahkan kepada pelajar akan KPS dalam PdP di dalam kelas dengan mengikut personaliti serta karakter pelajar antaranya *introvert*, *extrovert*, *thinking*, *judging* dan lain-lain lagi. Dengan kepelbagaian pendekatan, ianya dapat membantu pelajar dalam mengoptimalkan pembelajaran mereka dalam subjek Sejarah.

Dalam kajian M, Kaviza (2019), guru yang mengikuti kursus atau latihan profesional yang disediakan oleh pihak berwajib mampu serta berkeyakinan tinggi untuk mengaplikasikan KPS di dalam kelas berbanding dengan para guru yang tidak mengikuti mana-mana latihan. Sekiranya guru tidak berkemahiran, agak sukar untuk mereka mengaplikasikan KPS ini kepada para pelajar.

Menurut dapatan M. Kaviza (2019), KPS haruslah diterapkan dalam PdP di sekolah kerana ianya mampu untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek Sejarah di dalam kelas. Ianya terbukti juga bahawa aktiviti yang berteraskan KPS telah menyumbang ke arah pencapaian para pelajar secara langsung ataupun tidak langsung.

Menurut kajian Mohd Mahzan Awang et al, (2019), cara pembelajaran pelajar sangat berkait rapat dengan kemahiran pelajar dalam pemikiran Sejarah. Oleh yang demikian, para guru harus menggunakan kepelbagaian pendekatan dalam PdP bagi subjek Sejarah agar dapat mengatasi kelemahan yang sedia ada di kalangan pelajar agar kemahiran ini dapat diterima baik serta dipraktikkan oleh semua pelajar.

Dalam kajian M. Kaviza (2020), guru perlulah menambah baik ilmu serta praktis bagi amalan KPS dalam PdP masing-masing kerana ianya dapat memberi manfaat kepada para pelajar. Malahan, guru juga harus mengambil kira tahap sendiri pelajar kerana ianya mampu untuk mengoptimalkan pencapaian pelajar di sekolah.

Menurut dapatan Wulan Nurjannah (2020), selain guru harus menguasai kemahiran KPS, pelajar juga perlu berterusan mengamalkan kemahiran tersebut bagi memastikan ianya sehati dengan jiwa pelajar sungguh pun mereka berada di luar lingkungan PdP bagi subjek Sejarah.

Mohamed Ali bin Haniffa et al, (2020), anjakan paradigma harus dilakukan oleh para guru dalam menambah baik mutu pedagogi PdP masing-masing bagi memastikan kemahiran pemikiran Sejarah ini dapat diterapkan secara berterusan di kalangan pelajar.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, para pelajar yang dipilih untuk menjawab soal selidik ini adalah secara rawak dari umur 12 hingga 17 tahun. Soal selidik telah diberikan melalui *google forms* kepada para pelajar pintar dan berbakat di akhir semester pembelajaran tahun 2020.

Populasi Dan Sampel Kajian



Rajah 3: Peratusan Pelajar Pintar dan Berbakat Asas 1 hingga Tahap 2 Mengikut Jantina

Rajah 3 di atas menunjukkan sebanyak 48% iaitu mewakili seramai 197 orang pelajar lelaki manakala sebanyak 52% pula mewakili seramai 213 orang pelajar perempuan dari Asas 1 hingga Tahap 2 yang terlibat sebagai responden dalam kajian soal selidik ini.



Rajah 4: Peratusan Pelajar Pintar dan Berbakat Asas 1 hingga Tahap 2 Mengikut Umur

Rajah 4 tersebut menunjukkan perbezaan umur para pelajar dari Asas 1 hingga Tahap 2 yang terlibat dalam kajian soal selidik ini. Sebanyak 3% pelajar yang terdiri daripada 12 orang pelajar yang berumur 12 tahun, diikuti oleh 20% pelajar yang mewakili seramai 82 orang

pelajar yang berumur 13 tahun, manakala 17% pelajar yang terdiri daripada 70 orang pelajar yang berumur 14 tahun, seterusnya 22% pelajar yang mewakili 90 orang pelajar yang berumur 15 tahun, manakala 30% pelajar yang mewakili 123 orang pelajar yang berumur 16 tahun dan akhir sekali 8% pelajar yang mewakili seramai 33 orang pelajar yang berumur 17 tahun yang terlibat dalam kajian ini.

Metode Kajian Dan Pengumpulan Data

Secara ringkasnya, kajian soal selidik ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang mana data-data yang dikumpul adalah berdasarkan kepada kajian soal selidik yang menggunakan *skala likert* dengan 5 pilihan jawapan iaitu 1-5 (sangat setuju – sangat tidak setuju). Kajian soal selidik yang diguna pakai adalah daripada contoh Rully Putri Nirmala Puji & Abdul Razaq Ahmad dari artikel bertajuk Gaya Belajar dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pembelajaran Sejarah di Peringkat Universitas. Ianya telah digunapakai dengan mengubah suai soal selidik tersebut mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan kepada para pelajar Asas 1 hingga Tahap 2 di Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM. Persampelan pula dibuat secara rawak iaitu dengan melibatkan 410 orang pelajar pintar dan berbakat dari 28 buah kelas di kolej ini. Analisis data bagi kajian soal selidik ini adalah dengan menggunakan kaedah sampel *T-Test* (tak bersandar) dan Anova bagi melihat perbezaan skor min, peratusan, sisihan piawai dan korelasi bagi item persepsi amalan KPS terhadap tahap pencapaian, umur, dan perbezaan gred tinggi (A dan B), sederhana (C dan D), dan rendah (E,F dan G) di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan Statistik

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Berdasarkan Item Standard	N Item
.959	.960	35

Jadual 1: Nilai Cronbach's Alpha Bagi Kebolehpercayaan Item

Nilai Cronbach's Alpha > 0.7

Berdasarkan Nilai Cronbach's Alpha bagi kajian soal selidik yang dijalankan adalah 0.959. Oleh yang demikian, kajian soal selidik yang telah digunakan kepada para pelajar pintar dan berbakat dari Asas 1 hingga Tahap 2 berkaitan dengan kajian yang bertajuk Tinjauan Persepsi Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah Terhadap Pelajar Pintar dan Berbakat ini boleh dipercayai.

Penganalisan Data

Setelah soal selidik di kalangan responden yang terlibat selesai, data-data soalan selidik dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS V 2.0. Analisis yang dilakukan bagi kajian ini adalah analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah seperti demografi responden bagi mendapatkan nilai min, peratusan dan sisihan piawai. Bagi statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah sampel *T-Test* (tak bersandar) dan Anova. Sampel *T-Test* (tak bersandar) telah digunakan bagi melihat persepsi bagi item persepsi amalan KPS ; antaranya identifikasi bukti

Sejarah, interpretasi Sejarah, rasionalisasi Sejarah, imaginasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah berdasarkan tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat yang berlainan jantina. Manakala ujian Anova pula digunakan untuk menganalisa tahap persepsi amalan KPS berdasarkan pencapaian, umur dan gred antaranya gred tinggi (A dan B), sederhana (C dan D), dan rendah (E, F dan G) di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif dan Inferensi

Dapatan kajian diterangkan dengan terperinci dalam bentuk deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan kajian di dalam kajian ini.

Ujian Normaliti Bagi Persepsi Amalan KPS Berdasarkan Kepada Perbezaan Pencapaian Pelajar Pintar dan Berbakat

Item	Pencapaian Gred Sejarah	Kolmogorov-Smirnova	Shapiro-Wilk
		Sig.	Sig.
Identifikasi Bukti Sejarah	Tinggi (Gred A dan B)	0.001	0
	Sederhana (Gred C dan D)	.200	0.591
Interpretasi Sejarah	Tinggi (Gred A dan B)	0	0
	Sederhana (Gred C dan D)	0.065	0.185
Rasionalisasi Sejarah	Tinggi (Gred A dan B)	0	0
	Sederhana (Gred C dan D)	0.186	0.383
Imaginasi Sejarah	Tinggi (Gred A dan B)	0	0
	Sederhana (Gred C dan D)	0.083	0.463
Identifikasi Kronologi Sejarah	Tinggi (Gred A dan B)	0	0
	Sederhana (Gred C dan D)	.200	0.403

Jadual 2: Ujian Normaliti

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 2 di atas dengan sampel kajian ($n=410$) merupakan hasil ujian normaliti bagi persepsi amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat mendapati bahawa ianya data bertaburan normal dengan keputusan ujian Kolmogorov-Smirnova dan Saphiro-Wilk adalah tidak signifikan melainkan bagi item identifikasi bukti Sejarah bagi gred tertinggi (A dan B) untuk Kolmogorov-Smirnova adalah sig = 0.001

	Nilai Ujian = 0		
	t	Signifikan. (2-tailed)	Perbezaan Min
Jantina	61.398	0	1.517

Jadual 3: Ujian T (tidak bersandar)

Signifikan pada aras $p > 0.05$

Jadual 3 di atas dengan sampel kajian ($n=410$) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar pintar dan berbakat bagi jantina lelaki dan perempuan dari Asas 1 hingga Tahap 2 dengan nilai $t = 61.398$, $sig = 0$ dan $min = 1.517$ bagi persepsi amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Persepsi Amalan KPS Dengan Tahap Pencapaian Pelajar PINTAR DAN BERBAKAT

Ujian Anova (satu hala) telah dijalankan bagi melihat perbandingan amalan KPS berdasarkan kepada tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat. Dalam kajian soal selidik ini, ianya melibatkan seramai 12 orang pelajar yang berumur 12 tahun, 82 orang pelajar yang berumur 13 tahun, 70 orang pelajar yang berumur 14 tahun, 90 orang pelajar yang berumur 15 tahun, 123 orang pelajar yang berumur 16 tahun dan 33 orang pelajar yang berumur 17 tahun. Hasil Ujian Anova (satu hala) tersebut telah dipaparkan dalam **Jadual 4** di bawah.

Item		F	Sig.
Identifikasi Bukti Sejarah	Antara Kumpulan	1.648	0.194
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Interpretasi Sejarah Rasionalisasi Sejarah	Antara Kumpulan	3.917	0.021
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Imaginasi Sejarah	Antara Kumpulan	4.135	0.017
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Identifikasi Kronologi Sejarah	Antara Kumpulan	4.304	0.014
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		

Identifikasi Bukti Sejarah	Antara Kumpulan	2.546	0.08
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		

Jadual 4: Ujian Anova (satu hala)

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 4 dengan sampel kajian ($n=410$) di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan KPS dengan tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat; antaranya item kemahiran interpretasi Sejarah dengan nilai $F = 3.917$ dan $\text{sig} = 0.021$, manakala bagi item kemahiran rasionalisasi Sejarah dengan nilai $F = 4.135$ dan $\text{sig} = 0.017$, dan akhir sekali item kemahiran imaginasi Sejarah dengan nilai $F = 4.304$ dan $\text{Sig} = 0.014$. Sebaliknya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi item kemahiran identifikasi bukti Sejarah dengan nilai $F = 1.648$ dan $\text{sig} = 0.194$ dan identifikasi kronologi Sejarah dengan nilai $F 2.546$ dan $\text{sig} = 0.008$. Ini menunjukkan hipotesis nol (h_0) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi amalan KPS dengan tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat adalah ditolak.

Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Persepsi Amalan KPS Dengan Umur Pelajar Pintar dan Berbakat

Item		F	Sig.
Identifikasi Bukti Sejarah	Antara Kumpulan	4.138	0.001
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Interpretasi Sejarah	Antara Kumpulan	2.161	0.058
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Rasionalisasi Sejarah	Antara Kumpulan	3.025	0.011
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Imaginasi Sejarah	Antara Kumpulan	1.724	0.128
	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		
Identifikasi Kronologi Sejarah	Antara Kumpulan	3.716	0.003


	Dalam Kumpulan		
	Jumlah		

Jadual 5: Ujian Anova (Satu Hala)

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 5 dengan sampel kajian ($n=410$) di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi amalan KPS mengikut umur pelajar pintar dan berbakat antaranya item kemahiran identifikasi bukti Sejarah dengan nilai $F = 4.138$ dan $sig = 0.001$, manakala item kemahiran rasionalisasi Sejarah dengan nilai $F = 3.025$ dan $sig = 0.011$, dan item kemahiran kronologi Sejarah dengan nilai $F = 3.716$ dan $sig = 0.003$. Sebaliknya, tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi persepsi amalan KPS untuk item interpretasi Sejarah dengan nilai $F = 2.161$ dan $sig = 0.058$ dan imaginasi Sejarah dengan nilai $F 1.724$ dan $sig = 0.128$. Ini menunjukkan hipotesis nol (h_0) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi amalan KPS dengan umur pelajar pintar dan berbakat adalah ditolak.

Persepsi Amalan KPS Yang Dikuasai Pelajar Pintar dan Berbakat

**Rajah 5: Persepsi Amalan KPS yang Dikuasai oleh Pelajar Pintar dan Berbakat**

Rajah 5 di atas menunjukkan jumlah persepsi pelajar dari Asas 1 hingga Tahap 2 yang menguasai amalan KPS yang tertinggi adalah item imaginasi Sejarah sebanyak 84 orang. Manakala, 82 orang adalah dari jumlah yang sama bagi 3 item amalan KPS iaitu item identifikasi bukti Sejarah, rasionalisasi Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah. Akhir sekali, bagi jumlah yang terendah adalah item interpretasi Sejarah seramai 80 orang pelajar.

Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Persepsi Amalan KPS Dengan Gred Pelajar Pintar dan Berbakat

Gred	N	Min	Sisihan Piawai
Rendah (E,F dan G)	1	63	.
Sederhana (C dan D)	24	75.25	10.816
Tinggi (A dan B)	385	80.44	11.037
Jumlah	410	80.09	11.097

Jadual 6: Ujian Anova (Satu Hala)

Jadual 6 di atas dengan sampel kajian (n=410) menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai gred yang tinggi (A dan B) berkeupayaan untuk menguasai amalan KPS yang lebih tinggi iaitu min = 80.44 dan sisihan piawai = 11.037, berbanding dengan pelajar yang mempunyai gred sederhana (C dan D) iaitu min = 75.25 dan sisihan piawai = 10.816 dan juga pelajar yang mempunyai gred yang rendah (E, F, dan G) iaitu min = 63 dan sisihan piawai = -. Bagi melihat perbezaan tersebut maka dijalankan analisis Anova (satu hala) seperti berikut.

	F	Sig.
Antara Kumpulan	3.704	0.025
Dalam Kumpulan		
Jumlah		

Jadual 7: Ujian Anova (Satu Hala)

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 7 di atas dengan sampel kajian (n=410) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara salah satu item dalam persepsi amalan KPS dengan berdasarkan kepada perbezaan gred pelajar dengan nilai $F = 3.704$ dan $sig = 0.025$. Ini menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat yang memperoleh gred (A dan B) dapat menguasai amalan KPS dengan baik berbanding dengan pelajar yang berada dalam gred yang sederhana (C dan D) dan juga gred rendah (E, F dan G). Ini menunjukkan hipotesis nol (h_0) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi amalan KPS berdasarkan perbezaan gred pelajar adalah ditolak.



Rajah 6: Peratusan Persepsi Amalan KPS Berdasarkan Perbezaan Gred Pelajar Pintar dan Berbakat

Rajah 6 di atas menunjukkan peratusan amalan KPS berdasarkan perbezaan gred pelajar pintar dan berbakat. Jumlah peratusan pelajar pintar dan berbakat yang paling tinggi menguasai amalan KPS adalah kumpulan pelajar yang memperolehi gred tertinggi (A dan B) sebanyak 80%, diikuti pelajar yang memperolehi gred yang sederhana (C dan D) sebanyak 75% dan seterusnya gred yang terendah (E, F dan G) sebanyak 63%.

Model	R
1	.130

Jadual 8: Ujian Korelasi

$P < 0.01$ (2-tailed)

Jadual 8 di atas dengan sampel kajian ($n = 410$) menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan tetapi sangat lemah sebanyak $r = 0.13$ bagi amalan KPS dengan perbezaan gred di kalangan pelajar pintar dan berbakat.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa KPS sangat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar pintar dan berbakat antaranya kemahiran interpretasi Sejarah, kemahiran rasionalisasi Sejarah, dan kemahiran imaginasi Sejarah berbanding kemahiran identifikasi bukti Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah. Ianya disokong dengan kajian yang lain bahawa KPS telah menyumbang ke arah pencapaian pelajar dalam subjek Sejarah secara langsung mahupun tidak langsung. (M. Kaviza, 2019) Berbanding dengan kemahiran identifikasi bukti Sejarah dan identifikasi kronologi Sejarah, ianya memerlukan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh para guru dengan kepelbagaian aktiviti menarik yang berasaskan KPS bagi memastikan para pelajar dapat menerima serta mengamalkan KPS tersebut dengan rasa seronok dan memberi makna kepada mereka. Menurut Mohamed Ali bin Haniffa, Nurhijrah binti Zakaria dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2020), pembelajaran bermakna "*learning by doing*" dapat membantu pelajar berfikir dan membentuk kefahaman mengenai sesuatu permasalahan. Ini sekaligus dapat membuang stigma pelajar yang melihat subjek Sejarah adalah subjek hafalan semata-mata. Pembelajaran Sejarah dengan hanya menghafal fakta semata-mata boleh mendatangkan kebosanan di kalangan pelajar. (Nurul Hafizah Maarof et al., 2020) Oleh yang demikian, persediaan dari segi fizikal dan mental adalah amat penting bagi seseorang guru demi memastikan PdP yang berlangsung di dalam mahupun di luar kelas dapat memberi erti kepada para pelajar. (Nurul Hafizah Maarof, Nurul Suzaina Joli dan Nur Nadiah Lani, 2018)

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa umur pelajar memainkan peranan yang penting dalam menentukan kebolehan untuk mempraktikkan amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat bagi item kemahiran identifikasi bukti Sejarah, rasionalisasi Sejarah, dan kronologi Sejarah. Oleh yang demikian, amat penting bagi para guru untuk cakna khususnya mempelbagaikan aktiviti KPS yang menarik mengikut kesesuaian umur pelajar pintar dan berbakat dalam PdP Sejarah. Amalan KPS mampu untuk meningkatkan kemahiran kreatif dan kritis di kalangan pelajar. (Wulan Nurjannah, 2020) Tambahan pula, pelajar yang memberikan komitmen dengan menghadiri kelas secara konsisten serta melaksanakan aktiviti yang menarik seperti yang diberikan oleh guru mampu untuk meningkatkan KPS mereka. (Mahzan Awang et al., 2019) Menurut Nurhijrah binti Zakaria et al (2018), kadangkala pengajaran guru yang terlalu memberi fokus kepada penyampaian isi pelajaran menyebabkan elemen KPS tidak diaplikasikan secara berkesan dan menyeluruh.

Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa para pelajar yang memiliki gred tertinggi (A dan B) berkemampuan untuk mengamalkan kemahiran pemikiran Sejarah berbanding dengan para pelajar yang mempunyai gred yang sederhana (C dan D) dan seterusnya gred yang terendah (E, F, dan G). Ianya jelas menunjukkan bawah para pelajar yang mempunyai pencapaian gred yang lebih tinggi mampu untuk mengaplikasikan KPS berbanding para pelajar yang mempunyai gred yang lebih rendah. (M.Kaviva, 2019 & 2020) Oleh yang demikian, amat penting bagi para guru untuk memberi perhatian lebih kepada kumpulan pelajar yang mempunyai gred sederhana (C dan D) dan gred rendah (E, F, dan G) memandangkan mereka mungkin masih melihat Sejarah itu perlu dihafal sehingga merasa sukar untuk mengamalkan KPS tersebut. Dengan pengamalan KPS, ianya dapat merangsang pelajar untuk menjadi lebih fokus, berkeyakinan dan aktif dengan pelbagai aktiviti yang berpusatkan kepada pelajar di dalam kelas mahupun di luar kelas. (Mohamed Ali Haniffa, Nurhijrah Zakaria dan Ayu Nor Azilah Mohamad, 2020)

Kajian ini juga menunjukkan bahawa ujian korelasi berada di tahap yang sangat lemah. Walaupun sangat lemah, kajian ini menunjukkan bahawa gred pelajar dalam subjek Sejarah dapat menentukan bagaimana amalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat di dalam kelas. Ianya bertepatan dengan hasil kajian yang telah dirumuskan bahawa persepsi amalan KPS dalam kalangan murid secara umumnya masih dalam kadar sederhana. (Rully Putri Nirmala Puji, Abdul Razaq Ahmad, 2015 & M.Kaviza, 2019) Kemahiran Pemikiran dan penaakulan sejarah merupakan agenda yang penting dalam pendidikan sejarah di sekolah menengah namun ianya amat mencabar bagi pihak guru. (Gestsdottir, S.M., Boxtel, C.V., & Drie, J.V., 2018). Mana mungkin guru mampu untuk menggarap amalan KPS di kalangan pelajar, sekiranya kemahiran guru sendiri masih lagi terhad. (Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof dan Elisabeth Tak, 2010) Oleh itu, amat perlu para guru melengkapkan diri mereka dengan ilmu tersebut bagi merangsang pemikiran kreatif dan kritis di kalangan pelajar. Untuk mengajar subjek Sejarah dengan baik, seorang guru memerlukan pemahaman yang jelas antara kandungan Sejarah dengan pedagogi pembelajaran tersebut. (John H. Bickford, 2013 & Cowgill II, D.A., & Waring, S.M., 2017) Kemahiran mengajar serta menghafal fakta di dalam kelas haruslah dielakkan. Penyampaian fakta berdasarkan buku teks semata-mata tidak akan membantu dalam merealisasikan pengamalan KPS di kalangan pelajar. (Talin, R, 2015). Antara lain, para guru Sejarah harus kreatif dalam mengintegrasikan kandungan, kaedah pengajaran dan pentaksiran dengan cara yang menyeluruh contohnya pelajar diberikan bahan dari mana-mana sumber serta bukti-bukti yang sahih agar pelajar dapat menginterpretasi dengan cara yang lebih kreatif. (Bickford, John H. III, 2016)

Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan bagi para guru untuk mengembangkan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar pintar dan berbakat yang berkebolehan tinggi. (Martinez I.G et al.,2021) Banyak kajian telah menunjukkan bahawa guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai pelajar pintar dan berbakat akan membuat percaturan yang salah berkaitan dengan keperluan akademik, perkembangan sosial dan emosi pelajar ini. (Feyzullah Sahin & Faruk Levent, 2015). Apabila diberi sesuatu aktiviti, guru harus berusaha untuk tidak memberikan konsep tugas yang sama kerana pelajar pintar dan berbakat cenderung untuk tidak melakukan tugas yang telah mereka lakukan serta kuasai. (Mary Dorette B. U., Okoye., 2013). Pelajar pintar dan berbakat mempunyai kriteria yang tertentu antaranya suka bertanyakan soalan, rasa ingin tahu yang tinggi, dan suka untuk terlibat dalam apa-apa aktiviti yang memerlukan penumpuan secara mental mahupun fizikal. (Burak Turkman, 2020) Pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai bakat, kreativiti dan potensi perlu

ditonjolkan dalam pelbagai bidang yang mereka cenderung agar terserlah kepintaran dan bakat mereka. (Murat Tekin & Ozden Tasgin, 2009). KPS sangat bersesuaian dengan keperluan PdP Sejarah bagi pelajar pintar dan berbakat kerana ianya sentiasa menguji pelajar untuk terus meneroka serta menunjukkan kreativiti mereka dalam pelbagai aktiviti yang diterapkan dalam KPS.

Kesimpulan Dan Cadangan

Berdasarkan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat masih di tahap yang sangat rendah sungguhpun mereka ini dalam kategori pelajar yang memiliki IQ yang tinggi. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab para guru untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka dalam KPS agar ianya dapat dimanfaatkan kepada para pelajar pintar dan berbakat seluruhnya. Dengan pengamalan KPS di kalangan pelajar pintar dan berbakat, mereka bukan sahaja dapat menjiwai isi kandungan Sejarah malah ianya dapat mencungkil pemikiran kreatif dan kritis yang sedia ada bukan sahaja di dalam kelas malahan manfaatnya apabila mereka meningkat dewasa kelak. Malahan, penghayatan yang tinggi terhadap Sejarah juga dapat melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri serta semangat patriotisme yang tinggi. Oleh yang demikian, diharapkan pada masa hadapan, akan ada ramai lagi para penyelidik yang dapat menyumbang dalam kajian seperti ini agar hasil dapatan yang diperolehi boleh dikongsi bersama dengan para guru khususnya dalam meningkatkan mutu profesionalisme mereka dalam PdP subjek Sejarah bagi keperluan pelajar pintar dan berbakat.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan penyelidik saya; Nurul Suzaina Joli, Kamarul Zaman Hamzah, dan Rorlinda Yusof atas komitmen yang telah diberikan. Tidak lupa juga kepada Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia atas dana yang telah diberikan bagi menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Bickford, John H. (2013). Initiating historical thinking in elementary schools. *Faculty Research and Creative Activity*. 8 (3). 60-77
- Bickford, John H. (2016). Integrating creative, critical, and historical thinking through close reading, document- based writing, and original political cartooning. *The Councilor: A Journal of the Social Studies*. 77 (1:1). 1-9
- Burak Turkman. (2020). The evolution of the term of giftedness & theories to explain gifted characteristics. *Journal of Gifted Education and Creativity*. 7(1), 17-24
- Cowgill II, D.A, & Waring, S.M. (2017). Historical thinking: An evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research*. 8 (1). 115-145
- Feyzullah Sahin & Faruk Levent. (2015). Examining the methods and strategies which classroom teachers use in the education of gifted students. *The Online Journal of New Horizons in Education* .5 (3). 69-78
- Khairul Ghufrin Kaspin, Mansor Mohd Noor, & Mohd Mahzan Awang. (2018). Perspektif pelajar terhadap kurikulum sejarah peringkat menengah di Malaysia. *Jurnal Pemikiran Pendidikan*. 9. 31-42
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Sejarah. (2016). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Martinez I.G. et al. (2021). Review Analysing Educational Interventions with Gifted Students. Systematic Review. *Children*. 8 (365). 1-15
- Mary Dorette B. U. & Okoye. (2013). Roles of parents and teachers in the identification and development of gifted/talented students. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*. 2 (10). 25-35
- M. Kaviza. (2019). Hubungan penerapan elemen kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah dalam kalangan murid. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 7 (1). 30-38.
- M. Kaviza. (2019). Persepsi terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid berprestasi tinggi dan rendah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 6 (1). 144-156
- M. Kaviza. (2020). Kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan murid berbeza tahap arahan sendiri. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5 (4). 1-7
- Mohamed Ali Haniffa, Nurhijrah Zakaria & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2020). *No one left behind*, membina kemahiran pemikiran sejarah (KPS): Penelitian awal dari sudut pandangan seorang pendidik. *International Research Journal of Education and Sciences*. 4 (1). 1-5
- Mohd Mahzan Awang et al. (2019). The relationship of students learning styles and historical thinking. *Religación. Revista De Ciencias Sociales Y Humanidades*. 4 (20). 121-128
- Murat Tekin & Ozden Tasgin. (2009). Analysis of the creativity level of the gifted students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 1. 1088–1092
- Nurhijrah Zakaria, & et al. (2018). Pengintegrasian kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran sejarah oleh guru pelatih program pendidikan sejarah semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM*. 3.1-5
- Nurul Hafizah Maarof et al. (2020). *Itrack* dalam pdp sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*. 2 (1). 83-97
- Nurul Hafizah Maarof, Nurul Suzaina Joli & Nur Nadia Lani. (2018). Tinjauan kecenderungan pelajar pintar, cerdas dan berbakat dalam subjek Sejarah Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3 (20). 51-64
- Pfeiffer S.I. (2002). Identifying gifted and talented students: recurring issues and promising solutions. *Journal of Applied School Psychology*. 1(1). 31-50
- Renzulli J.S. (2012). Reexamining the role of gifted education and talent development for the 21st century: A four-part theoretical approach. *Gifted Child Quarterly*. 56 (3). 150–159
- Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak, & Melor Md Yunus. (2009). Kepintaran dan pintar cerdas berbakat: Definisi dan makna. Dalam PERMATApintar Negara: Pengalaman UKM. Pusat PERMATApintar Negara. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Rully Putri Nirmala Puji dan Abdul Razaq Ahmad. (2015). Gaya belajar dan kemahiran pemikiran sejarah. Edusentris. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*. 2 (3). 253-263
- Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof & Elisabeth Tak. (2010). Students' perception of the teaching of historical thinking skills. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*. 18 (S). 87 – 95
- Siti Fatimah Yassin et al. (2012). The identification of gifted and talented students. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*. 55. 585-593.
- Subotnik F., Kubilius P.O. & Worrell F.C. (2011). Rethinking giftedness and gifted education: A proposed direction forward based on psychological science. *Psychological Science in the Public Interest*. 12 (1). 3–54
- Talin, R. (2015). Historical thinking skills – The forgotten skills? *International Journal of Learning and Teaching*. 7(1). 15-23

Wulan Nurjanah. (2020). Historical thinking skills and critical thinking skills. *Historica*. 23 (1). 92-104